

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/1993

Oktober/November 1992

BKT 471/4: PROTOZOOLOGI PERUBATAN & VETERINAR

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

.../2

(BKT 471/4)

1. Bezakan *Trypanosoma Salivaria* dari *Stercoraria*.
Bincangkan diagnosis serta kawalan penyakit
tripanosomiasis.

(20 markah)

2. "Kawalan penyakit-penyakit babesiosis dan theileriasis
dalam haiwan ruminan bergantung kepada 3 faktor:
pemusnahan vektor sekenit, pembunuhan protozoa parasit
itu sendiri dan penggunaan vaksin". Bincangkan
pernyataan tersebut.

(20 markah)

3. Tulis nota-nota pendek di atas tajuk-tajuk berikut:
 - (a) xenodiagnosis
 - (b) hemazoin
 - (c) sarkosist
 - (d) zoonosis

(20 markah)

4. Sebutkan spesies-spesies flagelat yang kerap menjadi
parasit dalam saluran penghadaman manusia dan haiwan
ternakan. Bezakan patologi penyakit yang disebabkan
oleh setiap flagelat tersebut dalam perumahannya.

(20 markah)

(BKT 471/4)

5. Anda telah diberitahu bahawa seekor lembu telah dijangkiti oleh tiga parasit protozoa, iaitu *Sarcocystis bovis*, *Trichomonas foetus* dan *Eimeria zurnii*. Apakah tanda-tanda penyakit yang akan timbul dalam lembu itu dan pada pendapat anda bagaimana caranya lembu tersebut telah dijangkiti oleh ketiga-tiga parasit tersebut?

(20 markah)

6. Anda telah dilantik sebagai Penasihat Kepada Unit Kawalan Malaria Daerah Hulu Perak, Gerik. Anda telah diberitahu bahawa, 50% dari kes-kes malaria untuk Negeri Perak datangnya dari daerah tersebut, dan kebanyakan kes-kes malaria terdapat di kawasan-kawasan hutan yang ditebang untuk pertanian dan pembalakan. Apakah nasihat-nasihat yang boleh kamu berikan untuk mengurangkan penyakit malaria di daerah tersebut?

(20 markah)

-ooo0ooo-